

LATIHAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN BAHASA

A) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(1) Penunggang motorsikal itu berjaya melarikan diri daripada sekatan jalan raya yang dilaku oleh polis trafik.

(2) Melalui e-mail yang dikirimnya malam tadi, adik diharap supaya kami sekeluarga tidak bimbang akan keselamatannya.

(3) Semua bekerja di kilang itu akan keluar makan pada waktu tengahari selama satu jam setengah.

(4) Satu pameran barang-barang antik telah berada di pusat kraf tangan bermula semalam.

(5) Kita mestilah mempertahankan martabat bahasa Melayu sebagai lambang jatidiri bangsa daripada dicemari oleh bahasa asing.

(6) Pengarah syarikat itu telah melantik seorang juru ukur untuk menyukat perluasan tanah terbiar.

(7) Agensi kerajaan dan swasta menggesa agar membuka peluang kepada golongan kurang upaya untuk memegang jawatan dalam bidang pentadbiran.